0019

R 8629 OEB

UMNO - ANGGOTA

KUALA LUMPUR, 13 JAN (BERNAMA) -- UMNO MENCATATKAN JUMLAH KEANGGOTAAN KESELURUHANNYA 1,032,308 SEHINGGA INI DENGAN TAMBAHAN PURATA 80 PERATUS DI SEMUA NEGERI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PRESIDEN UMNO BERKATA JUMLAH ITU IALAH YANG DIDAFTARKAN SEHINGGA INI OLEH IBU PEJABAT UMNO, TIDAK TERMASUK BORANG YANG BERADA DI PERINGKAT PERHUBUNGAN NEGERI, BAHAGIAN DAN CAWANGAN.

MASIH BANYAK BORANG YANG BELUM DIDAFTARKAN LAGI, KATANYA SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA BELIAU PERCAYA JUMLAH ITU AKAN MENINGKAT LAGI APABILA KESEMUA BORANG ITU DIDAFTARKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI IBU PEJABAT UMNO, DI SINI HARI INI YANG BERLANGSUNG SELAMA KIRA-KIRA TIGA JAM MULAI PUKUL 9 PAGI.

ANTARA NEGERI-NEGERI ITU, KATA BELIAU, TERENGGANU PALING MENARIK PERHATIAN KERANA BILANGAN ANGGOTANYA MENINGKAT DARIPADA 39,349 ORANG KEPADA 99,303 ORANG. -- LAGI.

1319MST 13 01 89

0021

R 8630 OEB

UMNO - ANGGOTA 2 KUALA LUMPUR

TERENGGANU MENCATATKAN PENINGKATAN 167 PERATUS, KEDAH 103 PERATUS, MANAKALA NEGERI-NEGERI LAIN ANTARA 64 DAN 95 PERATUS, KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA EMPAT BAHAGIAN UMNO MENCATATKAN PENINGKATAN ANGGOTA LEBIH DUA KALI DARIPADA JUMLAH KEANGGOTAAN SEBELUMNYA IAITU BAHAGIAN BALING, KUALA NERUS, MARANG DAN DUNGUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA MT MENERIMA DUA PUCUK SURAT JAWAPAN MENGENAI TAWARAN KEPADA LIMA BEKAS ANGGOTA MT -- DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD, DATUK ZAINAL ABIDIN ZIN, DATUK RADZI SHEIKH AHMAD, PUAN MARINA YUSOF DAN DATUK PADUKA RAHMAH OSMAN -- UNTUK MENYERTAI SEMULA MAJLIS ITU.

+DATUK SHAHRIR MENYATAKAN BELIAU AKAN MENERIMANYA DENGAN BEBERAPA SYARAT TERTENTU MANAKALA DATUK RADZI MENOLAKNYA. TIGA LAGI BEKAS ANGGOTA MT ITU TIDAK MEMBERIKAN SEBARANGAN JAWAPAN,+ KATANYA.

MENGENAI PERMOHONAN ANGGOTA PARLIMEN TANJUNG KARANG DATUK HAJI KAMARULZAMAN AHMAD UNTUK MENGANGGOTAI UMNO, BELIAU BERKATA MT TELAH MENERIMANYA TANPA SYARAT. -- LAGI.

1323MST 13 01 89

0023

R 8631 OEB

UMNO - ANGGOTA 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA MT JUGA MENUBUHKAN JAWATANKUASA DISIPLIN DENGAN DIPENGERUSIKAN OLEH TIMBALAN PRESIDEN PARTI ENCIK GHAFAR BABA DAN DIANGGOTAI OLEH NAIB-NAIB PRESIDEN, SETIAUSAHA AGUNG DAN KETUA PENERANGAN PARTI.

MESYUARAT HARI INI DIMULAKAN DENGAN BACAAN DOA SEBAGAI MENGHORMATI DAN MENGENANGI JASA ALLAHYARHAM BEKAS MENTERI BESAR PERAK DATUK SERI KAMARUDDIN MAT ISA YANG MENINGGAL DUNIA SEMALAM. -- BERNAMA.

1326MST 13 01 89